

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : **SELASA, 14 NOVEMBER 2017**

RUJUKAN : **L12 [PR-1353-L03477]**

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengapakah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak lagi mengadakan mesyuarat bersama Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti yang kebiasaannya diadakan dengan Datuk Bandar sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, Perjumpaan Datuk Bandar bersama Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan inisiatif secara pentadbiran yang diambil oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan ianya tidak diperuntukkan dalam mana-mana akta mahupun undang-undang yang berkuatkuasa.

Perjumpaan ini merupakan medium bersemuka bersama Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam menyampaikan serta mendapatkan maklumbalas, pertanyaan dan perkembangan semasa menjurus kepada aspek pembangunan, perkhidmatan dan penyenggaraan di Kuala Lumpur. Ianya dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur yang turut dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Ketua-Ketua Jabatan.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat menyatakan perjumpaan ini tidak lagi diadakan, ianya tidak benar kerana perjumpaan terakhir telah pun diadakan pada 29 April 2016 (Jumaat) bertempat di Bilik Lembaga, Menara DBKL 1, merujuk kepada Minit Mesyurat Perjumpaan Ahli-Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bersama Datuk Bandar Bil.1/2016 dihadiri oleh semua Ahli Parlimen serta wakil namun demikian tiada wakil dari pihak Ahli Parlimen Wangsa Maju pada sesi berkenaan.

Pada tahun 2017, perjumpaan telah dijadualkan pada 4 Ogos 2017 namun begitu oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, ianya telah ditunda dan dicadangkan pada 8 Disember 2017.

99

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi di bawahnya termasuk DBKL sentiasa membuka ruang kepada Ahli Yang Berhormat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk bertemu selain dari sesi perjumpaan berkenaan pada bila-bila masa jika terdapat sebarang urusan berkaitan dengan mengamalkan dasar, dengan izin, '*No Wrong Door Policy*'.